

# PM mahu tugas rawat penagih dadah diserahkan pada lelaki saja

29 MAY 1986

**KUALA LUMPUR 28 Mei** — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu supaya tanggungjawab menyelia dan merawat penagih - penagih dadah diserahkan kepada kaum lelaki sahaja.

Beliau juga mengesyorkan supaya anggota tentera diberikan keutamaan untuk memikul tanggungjawab itu, kata Datuk Rais Yatim selaku jurucakap kabinet dalam satu sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Penerangan, berkata, antara sebab arahan itu dibuat ialah kaum wanita didapati tidak begitu sesuai dengan tugas tersebut memandangkan kebanyakan penagih dadah terdiri daripada kaum lelaki dan mereka itu bersifat garang dan kasar.

Datuk Rais juga memberitahu, mulai hari ini juga Perdana Menteri sendiri akan menguruskan jawatankuasa kabinet mengenai dadah bagi menggantikan tempat yang

dikosongkan oleh Datuk Musa Hitam.

Dengan itu, katanya, jelaslah bahawa kerajaan memberikan perhatian yang paling utama kepada masalah dadah di negara ini.

Mesyuarat mingguan kabinet hari ini, katanya, membuat keputusan untuk mengambil langkah - langkah positif dengan segera sebaik sahaja jawatankuasa tersebut mengadakan mesyuaratnya yang pertama tidak lama lagi.

Datuk Rais, atas sifat-

nya sebagai Yang Dipertua PEMADAM, mengalukan peralihan jawatan pengurus jawatankuasa kabinet mengenai dadah daripada Datuk Musa kepada Datuk Sri Dr. Mahathir.

## Perbezaan

Katanya, beliau akan memaklumkan perkara ini kepada jawatankuasa PEMADAM dan akan mengarahkan PEMADAM menyusun dan memperteguhkan lagi semua projeknya.

Sementara itu, mesyuarat kabinet hari ini juga bersetuju pada dasarnya untuk menyeragamkan peruntukan elaun penempatan khas dan kemudahan perumahan antara pegawai - pegawai dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung dan sebaliknya.

Datuk Rais berkata, persetujuan ini dicapai kerana pada masa ini kerajaan sedia maklum bahawa terdapat perbezaan yang besar antara kedua - dua kumpulan pegawai itu dan

ia masih tertakluk kepada surat pckeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada Kementerian Kewangan yang dikeluarkan enam tahun lalu.

"Oleh kerana itu, kabinet pada dasarnya telah bersetuju supaya perbezaan - perbezaan yang ada antara pegawai - pegawai dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung dan pegawai - pegawai dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak itu diseragamkan," katanya.

Katanya, perbezaan besar yang terdapat itu sedikit sebanyak telah menghalang urusan kerajaan di dalam memupuk integrasi nasional kerana pegawai - pegawai dari Sabah dan Sarawak tidak mampu membiayai hidup mereka jika berkhidmat di Semenanjung.

Datuk Rais memberitahu bahawa persetujuan yang dicapai ini adalah berpunca daripada hasil mesyuarat jawatankuasa kabinet mengenai integrasi nasional pada bulan Mac lalu yang beliau sendiri menjadi pengersinya.

## Langkah

Beliau percaya langkah ini apabila dilaksanakan kelak akan mendapat sambutan baik daripada kira-kira 30 orang pegawai dari Sabah dan Sarawak yang sedang bertugas di Semenanjung.

Beliau juga menjangka lebih ramai pegawai dari Sabah dan Sarawak akan bersedia untuk datang ke Semenanjung apabila usaha menyeragamkan kemudahan itu dilaksanakan sebagai satu usaha kerajaan mencapai matlamat integrasi nasional.

Datuk Rais berkata, JPA dan Kementerian Kewangan telah diberi tempoh yang singkat untuk mengemukakan usaha menyeragamkan kemudahan - kemudahan tersebut supaya dapat diputuskan dengan segera oleh kabinet.